

## **LATIHAN KEWIRAUSAHAAN DAN WIRAUSAHAAN BERJAYA : KAJIAN DI KOTA MAKASSAR SULAWESI SELATAN**

**Muhammad Rijal, Junaenah Sulehan, Abd. Hair Awang**

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Email:muhrijal32@yahoo.co.id*

### **Abstract**

*Enculturalization of entrepreneurship is an increasingly important element to overcome unemployment and poverty reduction. The Department of Labor and Transmigration of South Sulawesi have been conducting entrepreneurship training programs since 2001 known as Tenaga Kerja Mandiri (TKM) and Kelompok Usaha Mandiri (KUM). This article focuses on the extent of such a program and its ability to produce successful entrepreneurs by assessing the impact of training that has been carried out. This thesis is based on entrepreneurial behavioral theory, achievement motivation theory, planned behavior theory, CIPP model, entrepreneur development model, entrepreneurship training performance model (E/P) and entrepreneurship education model (E/E). This the study was conducted among 217 entrepreneurs from Makassar City, who had graduated from entrepreneurship training in 2001. The instrument uses questionnaires include entrepreneurial success indicators, motivation, and training components. Descriptive analysis is used to classify the participant's business profile and the entrepreneurship programs. Multiple regression analysis is used to determine the entrepreneurial success factors. The findings indicate that 94% of the participants have become successful entrepreneurs, while 6% have been unable to sustain their business. Overall, the study reveals that successful entrepreneurs are influenced by motivation, and fitness of the training topics, teaching ability, infrastructure, and the ability to master the content of entrepreneurship. A lack of sufficient capital is identified as a key factor in the failure of a business, followed by entrepreneurship knowledge, and educational level. Thus, sufficient funding and selection of appropriate participants could improve the effectiveness of this entrepreneurial program.*

**Keyword :** *Training, Motivation, Education, Business Experience, Capital*

### **Pendahuluan**

Pengangguran dan kemiskinan adalah satu isu penting dalam pembangunan ekonomi negara. Masalah pengangguran tidak saja dilihat daripada masalah tenaga kerja, tetapi juga berkait rapat dengan masalah ekonomi, sosial, politik, dan keamanan. Perkara ini berlaku kerana pengangguran berimpak negatif ke atas

kegiatan ekonomi (The World Bank 2011). Permasalahan lain juga berkait rapat dengan kualiti sumber daya manusia daripada para pengangguran sendiri. Contohnya akibat daripada aspek peringkat pendidikan yang masih rendah. Jumlah pencari kerja terdaftar pada tahun 2011 adalah 728,440. Sedangkan peluang pekerjaan hanyalah 326.617 (BPS 2015). Pada tahun 2015 hanya 3.7 % yang berjaya dengan pekerjaan (ILO 2015).

Bidang kewirausahaan merupakan salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara<sup>1</sup>. Disamping itu pembangunan kewirausahaan ini dilihat sebagai pemacu kepada pencapaian ekonomi global dan objektif sosial ekonomi termasuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara membangun<sup>2</sup>. Berbagai kajian pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara kewirausahaan dengan pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam hal penciptaan lapangan kerja, kelangsungan hidup perusahaan dan perubahan teknologi. Disamping itu bidang kewirausahaan merupakan salah satu cara dalam penyelesaian masalah pengangguran, terutamanya dalam kalangan alumni<sup>3</sup>.

Instruksi Presiden nomor 4 tanggal 30 Juni 1995 tentang pergerakan negara dalam menggalakkan kewirausahaan, mengamanatkan kepada seluruh masyarakat Indonesia untuk membangunkan program-program kewirausahaan. Instruksi daripada Presiden tersebut dikeluarkan kerana pemerintah menyadari bahwa dunia usaha merupakan tulang punggung perekonomian negara. Disamping itu pihak pemerintah senantiasa menyediakan berbagai kursus dan latihan bagi wirausahaan muda dengan tujuan untuk mengukuhkan kemahiran dalam bidang kewirausahaan.

---

<sup>1</sup>Kairilsky, M.I. and Walstad, W.B. 2002. The early Environment and Schoolingexperience of high-tech Entrepreneurship Education. *International Journal of Entrepreneurship Education*. University Press Singapore

<sup>2</sup>Sigh G. & Belwal. 2008. Entrepreneurship and SMEs in In Ethiopia: Evaluating the Role, Prospects and Problem Faced by Women in this Emergent Sector. *Gender in Management: An International Journal* 23 (2), p.120-136

<sup>3</sup>Van Acht, J., Stam, J., Thurik, R., dan Verheul, I. 2004. *Business Ownership and Unemployment in Japan*. Kertas Perbincangan Tinbergen Institute. <http://www.tinbergen.nl>. [7.3.2011]

Secara ringkas Greene (2000) mengartikan wirausaha sebagai individu yang menjalankan perniagaan sendiri. Wim Naude pula menganggap wirausaha sebagai golongan pengusaha dan peniaga yang sanggup menanggung risiko<sup>4</sup>. Dalam tulisan ini penulis berusaha membahas tiga persoalan penting iaitu (i). sejauhmana program latihan tenaga kerja mandiri (TKM) dan kelompok usaha mandiri (KUM) berjaya melahirkan wirausaha? (ii). apakah pencapaian wirausaha berjaya TKM dan KUM? (iii). adakah pengaruh faktor latihan, pendidikan, motivasi dan modal dalam melahirkan wirausaha berjaya?

### **Metodologi Penelitian**

Penulisan artikel adalah berdasarkan data yang dikutip daripada 217 responden dan merupakan penelitian yang dilakukan bagi menilai impak program pendidikan dan pelatihan TKM dan KUM dalam melahirkan wirausaha yang dijalankan oleh Dinas Tenaga kerja dan Transmigrasi Provinsi Sulawesi Selatan tahun 2001 hingga tahun 2010. Satu set soal selidik telah dibangunkan sebagai instrument yang terbagi kepada 5 bahagian dengan menggunakan kaedah kuantitatif.

Bahagian A yaitu demografi : bahagian ini mengandungi soalan berkaitan jantina, umur, taraf pendidikan, jurusan yang diambil oleh peserta latihan kewirausahaan TKM maupun KUM, jenis kursus dan lama kursus, jenis perniagaan dan pengalaman perniagaan. Bahagian B profil perniagaan : bahagian ini pula mengandungi aspek usia perniagaan, modal perniagaan, bilangan pekerja tetap, nilai jualan, nilai bekalan dan nilai untung bersih, jumlah nilai aset, dan bantuan modal. Bahagian ini termasuk untung dan bilangan pekerjadiadaptasi daripada kajiandan Garrigos-Simon, Marques & Narangajavana (2005). Bahagian C faktor wirausaha berjaya : bahagian ini pula mengandungi wirausaha berjaya (subjektif) serta motivasi personal dan keluarga. Instrument dari wirausaha berjaya

---

<sup>4</sup>Wim Naude. 2010. Promoting Entrepreneurship in Developing Countries: Policy Challenges. *Word Institute for Development Economics Research of the United Nations University (UNUWIDER) Policy Brief*, 42010, p. 1-8

diadaptasi daripada kajian Fisher et al. dan Syazwani dan Iklima<sup>5</sup>. Manakala bahagian motivasi personal dan keluarga diadaptasi dari Benzing et al<sup>6</sup>. Bahagian D latihan : bahagian ini pula meliputi 3 bahagian iaitu materi/kurikulum latihan, pengajar dan sarana dan prasarana (kemudahan fasilitas). Instrumen ini diadaptasi dari kajian Teeroovengadun et al. (2016). Bahagian E penguasaan ilmu kewirausahaan : terdapat 23 item yang menyoal penguasaan ilmu kewirausahaan yang diadaptasi dari Depnakertrans Tahun 2004<sup>7</sup>

Pengkaji menggunakan skala likert 5 peringkat bagi membolehkan responden kajian memberikan persetujuan atau sebaliknya terhadap setiap item yang dibina. Ujian kebolehpercayaan atau Alpha Cronbath sebesar 0.810 hingga 0.941. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif %, frekuensi dan statistik inferansi (Ujian regresi berganda). Kajian ini pula pada prinsipnya menggunakan teori tingkah laku, teori pencapaian motivasi, teori tingkah laku terancang dan model penilaian terhadap impak latihan kewirausahaan iaitu model CIPP oleh Stufflebeam<sup>8</sup>, model prestasi latihan kewirausahaan Vuuren & Botha<sup>9</sup>, Model Pendidikan kewirausahaan Nieman & Vuuren dan model pembangunan wirausaha oleh Edward.<sup>10</sup>

## Hasil Penelitian Dan Pembahasan

---

<sup>5</sup>Selengkapnya dalam Syazwani Yahaya dan Iklima Husna Abdul Rahim. 2015. Hubungan Antara Faktor Latar Belakang Pekerjaan Ibu bapa Terhadap Minat Keusahawan Pelajar MRSM. International Conference On Human Resource Development. Lihat juga dalam Krishnamoorthy dan Balasubramani (2014), Fisher et al. (2014)

<sup>6</sup>Selengkapnya dalam Benzing, C., Chu, H. M. & Kara, O. 2009. Entrepreneurs in Turkey: A factor analysis of motivations, success factors, and problems. *Journal of Small Business Management*, 47(1): p. 58-91

<sup>7</sup>Depnakertrans. 2004, *Program Pembinaan Tenaga Kerja Mandiri*, Jakarta.

<sup>8</sup>Selengkapnya dalam Stufflebeam, D.L., Folely, W.J., Gephart, W.J., Guba, E.G., Hammond R.L., Merriman, H.O. & Provus, M.M. 1971. *Educational Evaluation and Decision-Making*. Itasca, IL: F.E. Peacock.

<sup>9</sup>Selengkapnya dalam Van Vuuren, J.J. & Botha, M. 2010. The practical application of an entrepreneurship training model in South Africa. *Journal of Small Business and Enterprise Development* 17, p.607-625.

<sup>10</sup>Selengkapnya dalam Edward, B.R. 1991. *Entrepreneurs in High Technology: Lessons from MIT and Beyond*. New York: Oxford University Press.

### Pekerjaan Utama, Umur, Jantina, Bangsa dan Status Perkawinan

Seramai 217 orang responden terlibat dalam kajian ini. Manakala wirausaha berjaya seramai 204 dan usahawan tidak Berjaya seramai 13. Tabel 1 menunjukkan kekerapan dan peratus pekerjaan utama peserta TKM dan KUM. Seramai 180 peserta 88.23 % wirausaha berjaya merupakan wirausaha sepenuh masa. Manakala 11.77 % (24 peserta) bukan merupakan wirausaha sepenuh masa. Seramai 13 peserta (100 %) adalah wirausaha tidak berjaya. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang berjaya yang merupakan wirausaha sepenuh masa.

Tabel 1 Profil asas responden

| Profil               | Berjaya   |            | Tidak Berjaya |            |
|----------------------|-----------|------------|---------------|------------|
|                      | Frekuensi | Persentase | Frekuensi     | Persentase |
| a. Pekerjaan utama   |           |            |               |            |
| Wirausaha            | 180       | 88.23      | -             | -          |
| Bukan Wirausaha      | 24        | 11.77      | 13            | 100        |
| b. Umur              |           |            |               |            |
| ≤ 30 tahun           | 17        | 8.33       | -             | -          |
| 31 hingga 35 tahun   | 51        | 25.0       | 8             | 61.53      |
| 36 – 40 tahun        | 136       | 66.66      | 5             | 38.47      |
| c. Jantina           |           |            |               |            |
| Laki-laki            | 157       | 76.97      | 4             | 30.76      |
| Perempuan            | 47        | 23.03      | 9             | 69.24      |
| d. Bangsa            |           |            |               |            |
| Makassar             | 169       | 82.84      | 5             | 38.46      |
| Bugis                | 30        | 14.7       | 8             | 61.54      |
| Mandar               | 5         | 2.46       | -             | -          |
| e. Status Perkawinan |           |            |               |            |

|                |     |       |    |       |
|----------------|-----|-------|----|-------|
| Belum Berkawin | 14  | 6.86  | 2  | 15.38 |
| Berkawin       | 190 | 93.14 | 11 | 84.62 |

**Peringkat Pendidikan Tinggi Responden**

Tabel .2 menunjukkan profil peserta TKM/KUM berdasarkan peringkat pendidikan. Berdasarkan kekerapan dan %, wirausaha berjaya kebanyakan berpendidikan S1 iaitu 168 orang (82.34 peratus). Manakala wirausaha tidak berjaya kebanyakan berpendidikan SMA.

Tabel 2 Peringkat pendidikan tinggi responden

| Pendidikan          | Wirausaha Berjaya |            | Wirausaha tidak berjaya |            |
|---------------------|-------------------|------------|-------------------------|------------|
|                     | Frekuensi         | Persentase | Frekuensi               | Persentase |
| SMP (9 tahun)       | 2                 | 0.9        | -                       | -          |
| SMA (12 tahun)      | 12                | 5.88       | 10                      | 76.92      |
| D1/D3 (13/15 tahun) | 14                | 6.86       | -                       | -          |
| S1 (16 tahun)       | 168               | 82.34      | 3                       | 23.08      |
| S2 (18 tahun)       | 8                 | 3.92       | -                       | -          |
| Jumlah              | 204               | 100        | 13                      | 100        |

Daripada hasil analisis regresi linear, kajian ini mendapati bahawa peringkat pendidikan memiliki pengaruh yang signifikan terhadap wirausaha berjaya. Ini disokong oleh kajian Sinha (1996) dan Lashgarara et al. (2011) di India. Keduanya menemukan bahawa latar belakang pendidikan seseorang menentukan

tingkat kejayaan dalam menjalankan suatu usaha dan menjadi faktor penting yang mempengaruhi wirausaha berjaya. Hessels(2008) mendapati bahawa wirausaha perempuan tergolong daripada mereka yang berpendidikan tinggi<sup>11</sup>. Wasilczuk (2000) pula mendukung dapatan dari kajian di atas. Beliau merumuskan, mereka yang berpendidikan tinggi dapat menguruskan perniagaan ke arah perkembangan yang lebih cemerlang berbanding dengan mereka yang berpendidikan rendah. Sementara itu kajian yang dijalankan oleh Lee (1997) di Singapura mendapati bahawa latar belakang keluarga dan pengalaman kehidupan seperti perkawinan dan pendidikan mempunyai pengaruh kepada wirausaha wanita. Pencapaian dalam pendidikan mempunyai pengaruh yang signifikan dalam motivasi wirausaha wanita di Singapura

### **Pengalaman Perniagaan Sebelum mengikuti Latihan TKM / KUM**

Jadual 3 Pengalaman perniagaan

| Pengalaman  | Wirausaha Berjaya |            | Wirausaha tidak Berjaya |            |
|-------------|-------------------|------------|-------------------------|------------|
|             | Frekuensi         | Persentase | Frekuensi               | Persentase |
| Tiada       | -                 | -          | 9                       | 69.23      |
| 1 - 3 tahun | 20                | 9.80       | 4                       | 30.77      |
| 4 - 6 tahun | 124               | 60.78      | -                       | -          |
| ≥ 7 tahun   | 60                | 29.42      | -                       | -          |
| Jumlah      | 204               | 100        | 13                      | 100        |

### **Tempoh Usaha dan Pengalaman menjalankan Perniagaan setelah mengikuti latihan TKM dan KUM.**

Berdasarkan tabel 4, majoriti (72.06 %) usahawan berjaya telah mengharungi perniagaan selama 5 tahun. Manakala berdasarkan aspek wirausaha

<sup>11</sup>Selengkapnya dalam Hessels, J., Gelderen, M., & Thurik, R. 2008. Entrepreneurial aspirations, motivations, and their drivers. *Small Business Economics* 31:p. 323-339

tidak berjaya, maka tampak bahwa mereka tidak memiliki tempoh pengalaman perniagaan seperti yang berlaku pada wirausaha berjaya.

Tabel. 4 Tempoh pengalaman perniagaan

| Tempoh    | Wirausaha Berjaya |            | Wirausaha tidak Berjaya |            |
|-----------|-------------------|------------|-------------------------|------------|
|           | Frekuensi         | Persentase | Frekuensi               | Persentase |
| Tiada     | -                 | -          | 13                      | 100        |
| < 5 tahun | 24                | 11.76      | -                       | -          |
| 5 tahun   | 147               | 72.06      | -                       | -          |
| > 5 tahun | 33                | 16.18      | -                       | -          |
| Jumlah    | 204               | 100        | 13                      | 100        |

Walaupun, pengalaman bukan merupakan pembolehubah bebas dalam regresi berganda terhadap usahawan berjaya, namun didapati kajian wirausaha yang tidak berjaya berpengaruh terhadap pengalaman. Justeru pengalaman merupakan salah satu faktor penting dalam melahirkan wirausaha berjaya (Lashgarara et al. 2011). Oleh itu, dalam kajian ini pengalaman juga dimasukkan sebagai salah satu faktor wirausaha berjaya. Kajian ini menunjukkan bahwa semua wirausaha berjaya memiliki pengalaman perniagaan. Kebanyakan wirausaha berjaya memiliki pengalaman perniagaan 4-6 tahun iaitu 124 orang (60.78 peratus). Manakala kebanyakan wirausaha tidak berjaya tidak memiliki pengalaman iaitu 9 orang (69.23 peratus). Ini menunjukkan bahwa pengalaman merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan kejayaan wirausaha. Hasil dapatan kajian ini selaras dengan hasil dapatan kajian Suaibah et al. (2007) di Johor yang mendapati bahawa 79.1% wirausaha mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan yang diceburi.

Hasil kajian ini didukung oleh kajian daripada Zaidatol dan Benzing<sup>12</sup>. Mereka turut menyatakan bahwa pengalaman membawa perubahan kepada

<sup>12</sup>Selengkapnya lihat Zaidatol Akmaliah, Lope Pihie & Habibah Elias. 2004. Keupayaan usahawan bumiputera melaksanakan kemahiran keusahawanan: Satu kajian kes. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 12: 61-70. Juga lihat Benzing, C., Chu, H. M. & Kara, O. 2009. Entrepreneurs in



wirausaha. Disamping itu bagaimana seseorang itu belajar daripada pengalaman tersebut termasuk pengalaman terhadap kegagalan<sup>13</sup>. Daripada pengalaman terdahulu, karier dan pengalaman wirausaha-wirausaha ini, menunjukkan bahawa wirausaha dipengaruhi oleh latar belakang keluarga yang terlibat dalam perniagaan<sup>14</sup>. Mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan yang diperoleh daripada pengalaman kerja dan juga pengalaman sendiri sewaktu kecil sehingga memiliki kemauan untuk belajar yang tinggi, dan juga kekuatan pegangan agama atau kerohanian. Hasil kajian Caroline dan Jmaes (2013) mendapati wirausaha wanita mempunyai pengalaman kerja dalam bidang kewirausahaan yang diceburi.

### Jenis Perniagaan

Tabel 5 menunjukkan bahawa jenis perniagaan yang paling banyak dijalankan oleh wirausaha berjaya dalam kajian ini adalah sewa komputer dengan peresentase sebesar 77.5 % (158 responden).

Tabel 5. Jenis perniagaan

| Jenis perniagaan  | Wirausaha Berjaya |            | Wirausaha tidak berjaya |            |
|-------------------|-------------------|------------|-------------------------|------------|
|                   | Frekuensi         | Persentase | Frekuensi               | Persentase |
| Pelayanan jahitan | 13                | 6.37       | 10                      | 76.92      |
| Sewa computer     | 158               | 77.5       | -                       | -          |
| Automotif         | 8                 | 3.92       | -                       | -          |

Turkey: A factor analysis of motivations, success factors, and problems. *Journal of Small Business Management*, 47(1); p. 58-91

<sup>13</sup> Selengkapnya dalam Lee, C., Lee, K. & Pennings, J. M. 2001. Internal Capabilities, External Networks and Performance: A study on Technology Based Ventures. *Strategic Management Journal* 22; p. 615-640

<sup>14</sup> Lihat Van Auken, H., Fry, F. & Stephens, P. 2006. The influence of role models on entrepreneurial intentions. *Journal of Developmental Entrepreneurship* 11(2): 157-167 dan juga Justo, R., Cruz, C. & DeCastro, J. 2007. Entrepreneurs' perception of success: the role of family status. *Frontiers of Entrepreneurship Research* 27(4): p.14-19

|                    |     |      |    |       |
|--------------------|-----|------|----|-------|
| Pemrosesan makanan | 19  | 9.31 | 3  | 23.08 |
| Salon kecantikan   | 6   | 2.94 | -  | -     |
| Jumlah             | 204 | 100  | 13 | 100   |

Tabel 6 menunjukkan penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan. Dalam kalangan wirausaha berjaya, hasil kajian menunjukkan bahawa 51 % memiliki ahli keluarga yang berniaga. Manakala 49 % tidak memiliki ahli keluarga yang berniaga.

Tabel 6 Penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan

| Ahli keluarga | Wirausaha Berjaya |            | Wirausaha tidak berjaya |            |
|---------------|-------------------|------------|-------------------------|------------|
|               | Frekuensi         | Persentase | Frekuensi               | Persentase |
| Bapak         | 63                | 30.9       | -                       | -          |
| Ibu           | 26                | 12.7       | -                       | -          |
| Saudara       | 14                | 6.9        | -                       | -          |
| Bapak saudara | 1                 | 0.5        | -                       | -          |
| Tidak ada     | 100               | 49.0       | 13                      | 100        |
| Jumlah        | 204               | 100        | 13                      | 100        |

Kajian yang dijalankan oleh Neider (1987) dalam Suaibah et al. (2007) yang mendapati bahawa 54 % wirausaha wanita mempunyai pengalaman kerja dari ibu bapak yang menjalankan perniagaannya sendiri. Hasil kajian Lee-Gosselin & Grise (1990) dalam Suaibah et al. (2007) menyatakan pula bahawa wirausaha wanita menjalankan jenis perniagaan yang sama dengan perniagaan keluarga. Selain itu motivasi daripada keluarga boleh berupa penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan. Ini ditunjukkan oleh kajian ini yang mendapati bahawa ramai wirausaha berjaya (51 peratus) memiliki keluarga (bapak, ibu, saudara dan bapak saudara) yang terlibat dalam perniagaan dan sebahagian besar ialah bapak (30.9 %). Ini didukung oleh kajian Thapa et al. (2008) yang juga

mendapati bahawa keluarga memiliki kesan yang signifikan terhadap motivasi seseorang untuk menjadi wirausaha berjaya.

Manakala hasil kajian Norashidah Hashim, Norasmah Othman dan Noraishah Buang mendapati bahawa kebanyakan wirausaha mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam bidang perniagaan<sup>15</sup>. Manakala kajian Van Auken dan Kirkwood mendapati bahawa peranan ibu bapa yang bekerja sebagai wirausaha akan berpengaruh kepada keputusan anaknya,<sup>16</sup> sama ada bekerja menjadi wirausaha atau bekerja sebagai pekerja upahan. Pengaruh daripada keluarga merupakan faktor kebiasaan atau sikap budaya yang baik dalam kehidupan seseorang demikian menurut Kreiser dkk.<sup>17</sup> Keluarga khususnya boleh membantu wirausaha dalam memberikan jalan keluar apabila berhadapan dengan masalah demikian menurut Shane.<sup>18</sup>

### **Punca Modal**

Tabel 7 menunjukkan punca modal yang diperoleh oleh wirausaha daripada bantuan pemerintah dan bantuan ibu bapa. Semua wirausaha berjaya dan tidak berjaya mendapatkan bantuan modal daripada kerajaan RM 600 (Rp. 1,5 juta). Selain itu, wirausaha berjaya juga mendapatkan bantuan modal daripada ibu bapa 41.2 % wirausaha berjaya turut tidak mendapatkan bantuan modal dari ibu bapa. Mereka hanya mendapatkan bantuan modal daripada pemerintah saja. Manakala dalam kalangan wirausaha tidak berjaya, modal yang didapati daripada

---

<sup>15</sup> Lihat selengkapnya dalam Norashidah Othman, Noraishah Buang 2009, Konsep kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan IKS di Malaysia, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), p. 187-203

<sup>16</sup> Van Auken, H., Fry, F. & Stephens, P. 2006. The influence of role models on entrepreneurial intentions. *Journal of Developmental Entrepreneurship* 11(2): 157-167. Lihat juga dalam Kirkwood, J. 2009. Motivational factors in a push-pull theory of entrepreneurship. *Gender in Management: An International Journal* 24: p.346-364

<sup>17</sup> Lihat dalam Kreiser, P. M., Marino, L. D. & Weaver, M. K. 2002. The Psychometric Properties of the Entrepreneurial Orientation Scale: A Multi-Country Analysis. *Entrepreneurship Theory and Practice* 26; p.71-93

<sup>18</sup> Lihat dalam Shane, S., Locke, E. A. & Collins, C. J. 2003. Entrepreneurial Motivation. *Human Resource Management Review* 13: p.257-279

bantuan pemerintah saja. Mereka tidak mendapatkan bantuan modal daripada ibu bapak dan sumber lain.

Tabel 7 Punca Modal Usahawan

| Punca       | Jumlah modal (RM)   | Wirausaha Berjaya |            | Wirausaha tidak berjaya |            |
|-------------|---------------------|-------------------|------------|-------------------------|------------|
|             |                     | Frekuensi         | Persentase | Frekuensi               | Persentase |
| Kerajaan    | 600                 | 204               | 100        | 13                      | 100        |
| Bantuan ibu | > 1,500             | 21                | 10.3       | -                       | -          |
| Bapak       | 1,500 – 3,000       | 99                | 48.5       |                         |            |
|             | > 3,000             | -                 | -          | -                       | -          |
|             | Tidak dapat bantuan | 84                | 41.2       | -                       | -          |
| Jumlah      |                     | 204               | 100        | 13                      | 100        |

**Latihan TKM dan KUM**

Tabel8 Jenis latihan yang diikuti

| Latihan | Wirausaha Berjaya |            | Wirausaha tidak berjaya |            |
|---------|-------------------|------------|-------------------------|------------|
|         | Frekuensi         | Persentase | Frekuensi               | Persentase |
| TKM     | 44                | 21.58      | 10                      | 76.92      |
| KUM     | 160               | 78.42      | 3                       | 23.07      |
| Jumlah  | 204               | 100        | 13                      | 100        |

Berdasarkan Tabel 8 wirausaha berjaya lebih banyak menghadiri latihan KUM (78.42 %) berbanding latihan TKM. Manakala wirausaha tidak berjaya lebih banyak menghadiri latihan TKM (76.92 %). Sementara itu latihan TKM dijalankan selama 4 minggu, manakala latihan KUM dijalankan selama 3 minggu. Tempoh latihan tersebut merupakan tempoh latihan yang sesuai dan sememangnya diperlukan untuk memenuhi keperluan dan ciri usahawan sebenar. Latihan yang baik perlu dirancang dengan tepat termasuk memperhatikan tempoh latihan yang berterusan, tidak singkat dan tidak lama. Tempoh latihan yang

singkat tidak boleh memberi waktu yang cukup bagi pengajar untuk melakukan “hands-on”. Beasley & Sutton (dalam Christensen 2002) mendapati bahawa diperlukan masa minimum 30 jam latihan untuk seseorang bagi menumbuhkan kepercayaan diri terhadap suatu pengajaran.

### **Kualiti Latihan**

Analisis regresi berganda juga menunjukkan bahawa latihan sama ada subjek latihan, pengajar, kemudahan tempat dan penguasaan ilmu merupakan faktor yang signifikan ke atas wirausaha berjaya. Hasil analisis regresi berganda juga didukung oleh dapatan deskriptif yang mendapati bahawa kualiti subjek latihan/kurikulum latihan (min = 4.26) dan kemudahan tempat latihan (min = 4.20) berada dalam peringkat tinggi. Manakala kualiti pengajar (min = 4.48) dan penguasaan ilmu keusahawanan (min = 4.50) berada dalam peringkat sangat tinggi.

Kajian Caroline dan Jmaes (2013) mendapati bahawa latihan wirausaha merupakan faktor penyumbang bagi kejayaan wirausaha. Ini juga diperkukuh oleh Klostén yang mengemukakan bahawa latihan keusahawanan merupakan sebuah mekanisme yang memberi potensi yang besar untuk mengembangkan dan mengubah seseorang individu<sup>19</sup>. Sejumlah kajian lain turut mendukung hasil kajian ini ialah Belzil (2007), van der Sluis dan van Praag (2008), Jones (2007) dan Reynold (2004). Belzil (2007) mengemukakan bahawa latihan wirausaha boleh menumbuhkan tanggung jawab dan sikap yang baik yang merupakan fungsi positif daripada wirausaha berjaya. Van der Sluis dan van Praag menambahkan bahawa pendidikan dan latihan kewirausahaan memberi kesan yang baik ke atas

---

<sup>19</sup>Selengkapnya dalam Klostén, M. 2000. Training Entrepreneurship at Universities: A Swedish Case. *Journal of European Industrial Training* 24: 337-344. Lihat juga dalam Belzil, C. 2007. The Return to Schooling in Structural Dynamic Models: A Survey. *European Economic Review* 51: p. 1059-1105

perilaku, perbaikan kualiti dan kemahiran<sup>20</sup>. Kajian Jones (2007) mendapati hubungan yang signifikan antara latihan kewirausahaan ke atas keyakinan diri dan kemahiran wirausaha dalam mengenalpasti peluang usaha. Pendidikan dan latihan yang berkesan boleh mengurangkan kegagalan perniagaan. Reynold (2004) juga menunjukkan bahwa terdapat hubungan yang sangat kuat antara kandungan kurikulum yang baik dengan meningkatnya aktiviti wirausaha. Beliau menyatakan bahwa kandungan kurikulum yang baik boleh meningkatkan prestasi wirausaha menuju wirausaha berjaya.

### Pengembangan Modal Perniagaan

Berdasarkan hasil kajian di Tabel 9, sebanyak 80.9 peratus usahawan memiliki modal awal perniagaan sebanyak RM 1,500 sehingga RM 3,000. Modal awal kurang dari RM 1,500 merupakan jumlah modal yang dimiliki oleh 18.1 peratus.

Tabel 9. Modal Awal dan Modal Perniagaan Sekarang

| Modal (RM)    | Modal awal |            | Modal sekarang |            |
|---------------|------------|------------|----------------|------------|
|               | Frekuensi  | Persentase | Frekuensi      | Persentase |
| > 1,500       | 37         | 18.1       | 1              | 0.5        |
| 1,500 – 3,000 | 165        | 80.9       | 0              | 0          |
| > 3,000       | 2          | 1          | 203            | 99.5       |
| Jumlah        | 204        | 100        | 204            | 100        |

Tabel.10 Hasil ujian t berpasangan ke atas modal perniagaan

| Modal | Min<br>(RM) | Sisihan<br>piawai (RM) | T      | df  | Sig. (p) |
|-------|-------------|------------------------|--------|-----|----------|
| Awal  | 2,561.76    | 943.68                 | 69.885 | 203 | 0.000    |

<sup>20</sup>Selengkapnya dalam Van der Sluis, J. & van Praag, M. 2008. Education and entrepreneurship selection and performance: A review of the Empirical Literature. *Journal of Economic Surveys* 22; p. 795-841

Sekarang 12,710.29                      2153.66

---

Kajian ini mendapati bahwa modal merupakan salah satu faktor yang memiliki pengaruh yang signifikan ke atas wirausaha berjaya. Ramai wirausaha memperoleh modal bukan hanya daripada pihak kerajaan tetapi juga daripada bantuan ibu bapak. Wirausaha berjaya mengembangkan modal perniagaan, di mana ditunjukkan dengan wujudnya peningkatan yang signifikan ke atas modal awal yang dimiliki oleh wirausaha berjaya tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa terjadi peningkatan modal hampir semua wirausaha iaitu 99.5 % memiliki modal lebih daripada RM 3,000 yang pada awal perniagaan hanya dimiliki oleh 1 % wirausaha. Secara keseluruhan modal perniagaan berkembang dari RM 2,561.76 kepada RM 12,710.29. Berkembangnya modal memberi petunjuk bahwa wirausaha tersebut berjaya mempertingkatkan jualan sehingga ia mampu menambah modal awal (Ritha 2002).

**Pertumbuhan Untung Perniagaan**

Taburan pertumbuhan untung per bulan pada masa awal dan masa sekarang seperti di Jadual 5.19. Pada awal perniagaan, untung yang diterima oleh usahawan per bulan antara RM 300 sehingga RM 3,000. Sebanyak 91.2 % wirausaha memperolehi untung kurang dari RM 300 pada awal memulakan perniagaan. Untung sebesar RM 300 sehingga RM 1,500 hanya diterima oleh 8.8 % wirausaha atau 18 responden.

Tabel 11. Pertumbuhan untung pada masa awal perniagaan dan masa sekarang wirausaha berjaya

| Untung (RM)   | Untung awal |            | Untung sekarang |            |
|---------------|-------------|------------|-----------------|------------|
|               | Frekuensi   | Persentase | Frekuensi       | Persentase |
| > 300         | 186         | 91.2       | 102             | 50         |
| 300 – 1,500   | 18          | 8.8        | 101             | 49.5       |
| 1,501 – 3,000 | -           | -          | 1               | 0.5        |

|        |     |     |     |     |
|--------|-----|-----|-----|-----|
| Jumlah | 204 | 100 | 204 | 100 |
|--------|-----|-----|-----|-----|

Seperti yang ditunjukkan dalam kajian ini bahwa awal memulai perniagaan untung yang diterima oleh wirausaha berjaya per bulannya dimulai dari kurang dari RM 300 sehingga RM 3,000. Kebanyakan wirausaha berjaya iaitu sebanyak 91.2 % menerima untung antara kurang dari RM 300 pada awal memulai perniagaan. Manakala untung RM 300 sehingga RM 1,500 hanya diterima seramai 8.8 %. Namun pada masa sekarang, separoh wirausaha (50 %) memperoleh untung kurang dari RM 300, manakala sebahagian lainnya iaitu sebanyak 49.5 % (101 responden) memperoleh untung dari RM 300 sehingga RM 1,500. Kajian ini turut mendapati bahwa terdapat wirausaha yang memperoleh untung RM 1,501 sehingga RM 3,000 iaitu 0.5 % (1 responden) dan tidak seorang pun yang memperoleh untung lebih dari RM 3,000. Ini jelas bahwa peningkatan keuntungan merupakan faktor utama wirausaha berjaya.

Kebanyakan bukti mendukung bahawa 80 % daripada wirausaha berasa ganjaran daripada segi pencapaian perniagaan adalah lebih utama daripada ganjaran uang atau keuntungan<sup>21</sup>. Keuntungan merupakan faktor penentu kejayaan wirausaha<sup>22</sup>. Ini pula dijelaskan oleh Thapa et al. (2008) bahwa keuntungan yang diperoleh menjadikan wirausaha termotivasi untuk menjalankan usaha dengan lebih baik sehingga boleh memperoleh keuntungan yang lebih besar lagi. Sebuah kajian yang dijalankan Ullah dkk melaporkan bahwa memperoleh keuntungan adalah faktor psikologi yang merupakan orientasi kewirausahaan. Menurut Minoo & Charles mengukur prestasi industri mikro melalui jualan, keuntungan dan *market share*.<sup>23</sup>

<sup>21</sup>Charles Banfe. 1991. *Entrepreneur: From Zero to Hero*. New York: Van Nostrand Reinhold.

<sup>22</sup>Selengkapnya lihat dalam Coplin, L. C. H., 2002. *Competitive Advantages and the SMEs: The Role of Distinctive Competences as Determinants of Success, Are There Differences Across Gender, Sector, and Size?*, *PhD Thesis*, Universitat Autònoma de Barcelona, Spain. Lihat juga dalam (Dwi Riyanti 2003; Suyatno 2010; Lusser 1995; Garrigos-Simon, Marques & Narangajavana 2005; Henry 2007; Minoo & Charles 2003; dan Azmi Abdul Manaf et al. 2012)

<sup>23</sup>Minoo T, and Charles, S. 2003. *Economic Development and Micro Enterprises In Rural Communities: Are There Gender Differences?* *The Journal of Business and Economic Studies*, p. 26



## Pekerja

Kajian ini mendapati bahawa wirausaha berjaya dipengaruhi oleh bertambahnya jumlah pekerja. Hasil kajian menunjukkan perbandingan jumlah pekerja pada awal perniagaan dan masa sekarang. Pada awal perniagaan tidak seorang wirausaha pun yang memiliki pekerja. Bersama-sama dengan perkembangan masa, usahawan berjaya memiliki pekerja 1 sehingga 4 orang. Kebanyakan para wirausaha tersebut memiliki 4 pekerja (29.9 % atau 61 usahawan). Daripada frekuensi dan %, sebanyak 28.9 % (seramai 59 usahawan) memiliki 1 orang pekerja, sebanyak 17.6 % (seramai 36 usahawan) memiliki 2 pekerja dan 23.5 % (48 usahawan) memiliki 3 pekerja.

Tabel 12. Perbandingan jumlah bilangan pekerja

| Jumlah pekerja | Awal perniagaan |            | Masa sekarang |            |
|----------------|-----------------|------------|---------------|------------|
|                | Frekuensi       | Persentase | Frekuensi     | Persentase |
| 0              | 204             | 100        | -             | -          |
| 1              | -               | -          | 59            | 28.9       |
| 2              | -               | -          | 36            | 17.6       |
| 3              | -               | -          | 48            | 23.5       |
| 4              | -               | -          | 61            | 29.9       |
| Jumlah         | 204             | 100        | 204           | 100        |

Sarder, Ghosh dan Rosa dalam kajian perusahaan kecil di Bangladesh mendapati salah satu indikator prestasi, iaitu pertumbuhan jualan dan pertumbuhan pekerja.<sup>24</sup> Dapatan kajian Dwi Riyanti (2003) mendapati keuntungan dan pertambahan jumlah pekerja merupakan indikator prestasi sebuah perniagaan. Manakala McNamee, Greenan & McFeri an dalam kajian perniagaan kecil di Ireland menggunakan dua ukuran prestasi iaitu pertumbuhan (jualan dan guna

<sup>24</sup>Sarder, J.H., Ghosh, D. dan Rosa, P., 1997. The Importance of Support Services to small enterprise in Bangladesh, *Journal of Small Business Management*, Vol. 35, No. 2, p. 26-36

tenaga), dan keuntungan (pulangan atas aset, pulangan atas jualan).<sup>25</sup> Sementara Powers dan Hahn (2002) dalam kajian perbankan di New England hanya menggunakan satu indikator, iaitu pulangan atas aset, untuk membandingkan prestasi 98 buah bank.

Dari segi bilangan pekerja, wirausaha yang tamat latihan kewirausahaan TKM dan KUM kurang menggaji para pekerjanya. Mereka mengambil pekerja dari kalangan keluarga seperti anak sendiri atau anak saudara ibu bapak, itupun bilangan pekerja yang mereka miliki kecil dengan alasan usaha perniagaan berbentuk usaha kecil-kecilan. Hasil dapatan ini sejalan dengan hasil dapatan kajian Burdette (1990) yang menjelaskan bahwa dari segi bilangan pekerja, ramai diantara mereka kurang menggaji pekerja. Jika mereka berbuat demikian bilangan pekerja adalah sedikit (Collerette dan Auruby, 1990). Mereka juga cenderung mengambil suami atau anak sebagai pekerja (Lee Gosselin & Grise 1990; Teo 1996) atau menggaji lebih ramai pekerja wanita berbanding jika usahawan lelaki yang menjalankan perniagaan<sup>26</sup>. Kajian ini dipekukuh pula Moha Asri dkk<sup>27</sup> dan Collins (2002) yang mendapati bahwa kebanyakan mereka yang bekerja adalah daripada kalangan ahli keluarga itu sendiri. Kos gaji yang rendah juga menjadi kelebihan perniagaan kecil karena pekerja yang dipilih tidak memerlukan kelayakan pendidikan maupun pengalaman berbanding dengan firma besar.

### **Usahawan Berjaya (Subjektif)**

Hasil kajian mendapati secara keseluruhan persepsi berjaya dalam perniagaan berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min dan sisihan piawai ialah 4.36 dan 0.532.

---

<sup>25</sup>McNamee, P., Greenan, K. dan McFerran, B., 1999. The Competitive Analysis Model: A New Approach to Strategic Development for Small Businesses, *Benchmarking: An International Journal*, Vol. 6, No. 2, p. 125-146

<sup>26</sup>Lihat dalam Birley, S. 1989. Female Entrepreneurs, Are They Really and Different? *Journal of Small Business Management*. p.32-37

<sup>27</sup> Lihat dalam Moha Asri, Juhary Ali dan Fauziah Idris (2000), *Pengurusan Perniagaan Kecil*, Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd., Kuala Lumpur

## **Pengaruh Kurikulum Latihan**

Hasil regresi mendapati bahwa terdapat pengaruh kurikulum sama ada pengetahuan kelompok asas, inti dan penunjang terhadap wirausaha berjaya. Pengaruh tersebut bukan saja terhadap untung melainkan juga terhadap pengembangan tenaga pekerja dan wirausaha berjaya (subjektif). Dapatan kajian ini mengukuhkan bahawa aspek proses dalam penilaian suatu program latihan didapati memberi pengaruh yang signifikan. Selain itu, dapatan kajian ini sejalan dan diperkukuh oleh dapatan kajian dari aspek produk iaitu penguasaan ilmu kewirausahaan yang juga berada pada tahap tinggi. Penguasaan kurikulum dari pengetahuan kelompok asas, inti dan penunjang menjadikan pengetahuan dan kemahiran wirausaha menjadi semakin meningkat dan boleh mencipta pelbagai kreativitas sebagai salah satu ciri wirausaha berjaya dalam menghadapi persaingan dalam dunia perniagaan.

## **Motivasi**

Motivasi merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi wirausaha berjaya. Motivasi ialah berkenaan dengan psikologi usahawan. Dapatan kajian Khairuddin (2003) yang turut mendapati bahwa motivasi sebagai faktor penting dalam menentukan tahap kecemerlangan seseorang kerana tanpa motivasi seseorang itu tidak akan berupaya untuk meneruskan perjuangan dalam bidang perniagaan. Pendapat ini selaras dengan kajian Wan Sabri yang mendapati bahwa masalah utama yang membantu wirausaha Melayu daripada berjaya adalah masalah motivasi.<sup>28</sup> Menurut Benzing motivasi adalah perlakuan berorientasikan kepada pencapaian.<sup>29</sup>

## **Kesimpulan**

---

<sup>28</sup> Lihat selengkapnya dalam Wan Sabri 2001. Nilai dan Etika Islam Dalam Perniagaan. Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia. Disertasi yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya Kuala Lumpur

<sup>29</sup> Liha Benzing, C., Chu, H. M. & Kara, O. 2009. Entrepreneurs in Turkey: A factor analysis of motivations, success factors, and problems. *Journal of Small Business Management*, 47(1): 58-91. Lihat juga Norizatun et al. 2011; Shane et al. 2003)

Berdasarkan hasil kajian didapati bahwa pelatihan wirausaha yang dijalankan terbukti berkesan untuk mengembangkan kemampuan usahawan. Ini mengukuhkan hakikat bahwa latihan sepatutnya memberikan banyak kemahiran kewirausahaan dalam waktu yang mencukupi. Dalam menjawab persoalan pertama, kajian ini berjaya mengenal pasti peserta program TKM dan KUM yang berjaya menjadi wirausaha. Daripada 217 orang lulusan program tersebut 204 orang (94 %) merupakan wirausaha berjaya dan 13 orang (6 %) orang gagal menjadi wirausaha. Persoalan kedua pun telah dijawab iaitu pencapaian wirausaha berjaya lebih banyak menghadiri latihan KUM (78.42%) berbanding latihan TKM. Manakala wirausaha tidak berjaya lebih banyak menghadiri latihan TKM (76.92).

Kemudian persoalan ketiga, kajian ini pula mendapati kelompok asas, inti dan penunjang turut terbukti menjadi penentu kejayaan seseorang wirausaha, selain faktor berkaitan kurikulum latihan, faktor modal, motivasi, tahap pendidikan turut berpengaruh terhadap kejayaan wirausaha, maka program TKM dan KUM harus dilaksanakan secara bersepadu. Kajian ini berjaya menganalisis pengaruh faktor-faktor tersebut dari tiga aspek iaitu untung, pengembangan bilangan pekerja dan kejayaan wirausaha secara subjektif. Dari aspek untung, faktor yang paling memberi pengaruh secara berutaniaitu motivasi latihan, tahap pendidikan dan modal. Dari aspek pengembangan bilangan pekerja iaitu tahap pendidikan motivasi, latihan dan modal. Manakala dari aspek kejayaan wirausaha secara subjektif, tahap pendidikan motivasi, latihan dan modal.

### **Saran- Saran**

Berdasarkan hasil kajian yang mendapati bahwa modal juga merupakan faktor yang mempengaruhi untung, pengembangan bilangan pekerja dan wirausaha berjaya secara subjektif, maka disarankan supaya kajian di masa hadapan juga dapat memberikan tumpuan kajian terhadap pemberian modal yang besar iaitu lebih dari RM 600 (Rp. 1,5 juta) supaya dapat membantu peserta program dalam menjalankan perniagaan sehingga menjadi usahawan berjaya. Kajian menunjukkan bahwa kebanyakan wirausaha berjaya memiliki pengalaman

berniaga. Oleh itu, pemilihan peserta diutamakan yang memiliki pengalaman berniaga. Kajian ini juga mendapati pengaruh kurikulum terhadap wirausaha berjaya. Oleh itu, kurikulum yang sedia ada seharusnya dikemas dan dikaji ulang. Kurikulum seharusnya sejalan dengan perkembangan jaman. Begitu pula pengajar yang berkemahiran dan memiliki pengalaman perniagaan boleh berkongsi pengalaman secara langsung bukan teori sahaja. Sarana dan prasarana yang lengkap dan juga mengikuti perkembangan jaman seharusnya sedia ada dalam program latihan.

### Referensi

- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee. 2012. Faktor Kritikal Kejayaan Usahawan Dalam Perniagaan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.7, h. 34-45
- Belzil, C. 2007. The Return to Schooling in Structural Dynamic Models: A Survey. *European Economic Review* 51, h. 1059-1105
- Benzing, C., Chu, H. M. & Kara, O. 2009. Entrepreneurs in Turkey: A factor analysis of motivations, success factors, and problems. *Journal of Small Business Management*, 47(1), h. 58-91
- Birley, S. 1989. Female Entrepreneurs, Are They Really and Different? *Journal of Small Business Management*. h. 32-37
- Bredley. D. 2002. Lack financial and Location Planning Causes Small Business bankruptcy. University of Central Arkansas.
- Brown, Shona, Eisenhardt & Kathleen (1995). Product Development: *Past Research, Present Findings and Future*. vol. 20, Iss 2, p. 343
- Charles Banfe. 1991. *Entrepreneur: From Zero to Hero*. New York: Van Nostrand Reinhold
- Coplin, L. C. H., 2002. Competitive Advantages and the SMEs: The Role of Distinctive Competences as Determinants of Success, Are There Differences Across Gender, Sector, and Size?, *PhD Thesis*, Universitat Autònoma De Barcelona, Spain
- Depnakertrans. 2004, *Program Pembinaan Tenaga Kerja Mandiri*, Jakarta.

- Edward, B.R. 1991. *Entrepreneurs in High Technology: Lessons from MIT and Beyond*. New York: Oxford University Press.
- Garrigos-Simon, F. J., Marques, D. dan Narangajavana, Y., 2005. Competitive Strategies and Performance in Spanish Hospitality Firms, *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, Vol. 17, No.1, 22-38
- Henry Faizal, Noor. 2007. *Ekonomi manajerial*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Hessels, J., Gelderen, M., & Thurik, R. 2008. Entrepreneurial aspirations, motivations, and their drivers. *Small Business Economics* 31, h. 323-339
- ILO Country Office For Indonesia 2015. Labour and Social Trends in Indonesia 2014-2015. Strengthening Competitiveness & Productivity Thorough Decent Work.
- Instruksi Presiden Nomor 4. 1995. *Pembangunan Keusahawanan*, Jakarta
- Jones, V. 2007. Mythicizing and Reification in Entrepreneurial Discourse: Ideologycritique of Entrepreneurial Studies. *Journal of Management Studies* 35: h. 605-635
- Justo, R., Cruz, C. & DeCastro, J. 2007. Entrepreneurs' perception of success: the role of family status. *Frontiers of Entrepreneurship Research* 27(4): p.14-19
- Kairilsky, M.I. and Walstad, W.B. 2002. The early Environment and Schoolingexperience of high-tech Entrepreneurship Education. *International Journal of Entrepreneurship Education*. University press Singapore
- Kirkwood, J. 2009. Motivational factors in a push-pull theory of entrepreneurship. *Gender in Management: An International Journal* 24, p. 346-364
- Klofsten, M. 2000. Training Entrepreneurship at Universities: A Swedish Case. *Journal of European Industrial Training* 24, p. 337-344
- Kreiser, P. M., Marino, L. D. & Weaver, M. K. 2002. The Psychometric Properties of the Entrepreneurial Orientation Scale: A Multi-Country Analysis. *Entrepreneurship Theory and Practice* 26, p. 71-93
- Lee, C., Lee, K. & Pennings, J. M. 2001. Internal Capabilities, External Networks and Performance: A study on Technology Based Ventures. *Strategic Management Journal* 22, p. 615-640.

- Lusser, R. N. 1995, A Nonfinancial Business Success Versus Failure Prediction Model for Young Firms. *Journal of Small Business Management* 33(1),p. 8-20.
- McNamee, P., Greenan, K. dan McFerran, B., 1999. The Competitive Analysis Model: A New Approach to Strategic Development for Small Businesses, *Benchmarking: An International Journal*, Vol. 6, No. 2, p.125-146
- Minoo T, and Charles, S. 2003. Economic Development and Micro Enterprises In Rural Communities: Are There Gender Differences? *The Journal of Business and Economic Studies*, p.26
- Moha Asri, Juhary Ali dan Fauziah Idris (2000), *Pengurusan Perniagaan Kecil*, Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd., Kuala Lumpur
- Norashidah Othman, Noraishah Buang 2009, Konsep kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan IKS di Malaysia, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), p.187-203
- Norizatun Azmin Mohd. Nordin, Abdul Halim Abdul Hamid and Chong Chin Woon. (2011). Factors affecting profitability of women entrepreneurs business in Malaysia. *Annual Summit on Business and Entrepreneurial Studies Proceeding*,p. 972-985
- Pretorius, M. 2009. Defining business decline, failure and turnaround: A content analysis. *Sajessbm* 2: p. 1-16.
- Reynold, L. 2004. *Management of Organizational Behavior*. Prentice Hall.
- Salmah Binti Ishak. 2009. Hubungan sikap, Kecenderungan Personaliti dan tahap Keinginan Peserta Skim Usahawan Siswazah Terhadap Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Usahawan, Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarder, J.H., Ghosh, D. dan Rosa, P., 1997. The Importance of Support Services to small enterprise in Bangladesh, *Journal of Small Business Management*, Vol. 35, No. 2, p.26-36
- Shane, S., Locke, E. A. & Collins, C. J. 2003. Entrepreneurial Motivation. *Human Resource Management Review* 13, p. 257-279

- Sigh G. & Belwal. 2008. Entrepreneurship and SMEs in In Ethiopia: Evaluating the Role, Prospects and Problem Faced by Women in this Emergent Sector. *Gender in Management: An International Journal* 23 (2),p.120-136
- Simons, R. 2000. *Performance Measurement & Control Systems for Implementing Strategy*. Prentice Hall.
- Suyatno Purnama, Chamdan. 2010. Motivasi dan Kemampuan Usaha Dalam meningkatkan Kejayaan Usaha Industri Kecil (Studi Pada Industri Kecil Sepatu di Jawa Timur). *Jurnal Manajemen dan Keusahawanan*, p. 177-184
- Stufflebeam, D.L., Folely, W.J., Gephart, W.J., Guba, E.G., Hammond R.L., Merriman, H.O. & Provus, M.M. 1971. *Educational Evaluation and Decision-Making*. Itasca, IL: F.E. Peacock.
- Syazwani Yahaya dan Iklima Husna Abdul Rahim. 2015. Hubungan Antara Faktor Latar Belakang Pekerjaan Ibu bapa Terhadap Minat Keusahawan Pelajar MRSM. International Conference On Human Resource Development.
- The Work Bank. Washington D.C. 2011. Skills for The Labor Market In Indonesia. Trends in Demand, Gaps, and Supply.
- Ullah, H., Shah, B., Hassan, F.S.U. Zaman, T. 2011. The Impact of Owner Psychological Factors on Entrepreneurial Orientation: Evidence from Khyber Pakhtunkhwa-Pakistan. *International Journal of Education and Social Sciences (IJESS)* p.1
- Van Acht, J., Stam, J., Thurik, R., dan Verheul, I. 2004. *Business Ownership and Unemployment in Japan*. Kertas Perbincangan Tinbergen Institute. <http://www.tinbergen.nl>. [7.3.2011].
- Van Auken , H., Fry, F. & Stephens, P. 2006. The influence of role models on entrepreneurial intentions. *Journal of Developmental Entrepreneurship* 11(2), p. 157-167
- Van der Sluis, J. & van Praag, M. 2008. Education and entrepreneurship selection and performance: A review of the Empirical Literature. *Journal of Economic Surveys* 22: p.795-841
- Van Vuuren, J.J. & Botha, M. 2010. The practical application of an entrepreneurship training model in South Africa. *Journal of Small Business and Enterprise Development* 17: p. 607-625



- Wan Sabri 2001. Nilai dan Etika Islam Dalam Perniagaan. Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia. Disertasi yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Wim Naude. 2010. Promoting Entrepreneurship in Developing Countries: Policy Challenges. *Word Institute for Development Economics Research of the United Nations University (UNUWIDER) Policy Brief*, 42010,p.1-8
- Zaidatul Akmaliah, Lope Pihie & Habibah Elias. 2004. Keupayaan usahawan bumiputera melaksanakan kemahiran keusahawanan: Satu kajian kes. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 12: p. 61-70